

**PERANAN GURU KANAN MATA PELAJARAN  
SEBAGAI PENGURUS PENGANTARA DAN MASALAH  
YANG DIHADAPI - SATU KAJIAN TINJAUAN  
DI DAERAH MANJUNG DAN  
PERAK TENGAH**

**NURUL HUDA BINTI HAMZAH**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2007**

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

26 .03.2007

NURUL HUDA BT HAMZAH  
20031001354

## PENGHARGAAN

Pengkaji mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan rahmatNya kajian ini dapat dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Kajian ini tidak mampu disiapkan jika tidak mendapat sokongan, bantuan dan bimbingan dari pelbagai pihak.

Oleh itu, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kertas projek ini iaitu Dr. Khuan Wai Bing di atas bimbingan professional dan tunjuk ajar yang bersungguh-sungguh sepanjang kertas projek ini dilaksanakan. Mudah-mudahan segala tunjuk ajar dapat dimanfaatkan kepada anak didik pengkaji pula.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah yang telah membimbing pengkaji sepanjang mengambil kursus-kursus di Universiti Perguruan Sultan Idris iaitu Tn Haji Nazirmuddin, En Jamal @ Osman Nordin, Dr Omar Abdull Karem, dan En Ibrahim Thamby Chek.

Penghargaan yang sama pengkaji tujukan kepada En Ahmad Kamil Penyelia Teknologi Maklumat dan Komunikasi dari PPD Manjung dan En Zainal Abidin Penyelia Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta En Zainuddin dari PPD Perak Tengah kerana mendapatkan maklumat lengkap biodata Guru Kanan Mata Pelajaran bagi kedua-dua daerah. Terima kasih yang tidak terhingga kepada pengetua-pengetua sekolah Gred A di Daerah Manjung dan Perak Tengah yang sudi bekerjasama

membenarkan soal selidik kajian ini diedarkan disekolah masing-masing. Budi Guru-guru Kanan Mata Pelajaran yang telah meluangkan masa untuk menjawab soal selidik kajian ini hanya Allah sahaja yang dapat membalaunya.

Akhir sekali tidak lupa kepada suami Azman Lin dan anak Zaim Syahmi tersayang yang memahami dan sentiasa memberi sokongan serta perangsang. Kaum keluarga yang menjadi sumber kekuatan dan inspirasi untuk menamatkan pengajian sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana peranan-peranan tertentu dimainkan oleh Guru Kanan Mata Pelajaran di sekolah Gred A di daerah Manjung dan Daerah Perak Tengah berdasarkan pandangan Guru Kanan Mata Pelajaran. Objektif kajian ini ialah untuk melihat peranan-peranan yang dilaksanakan oleh Guru Kanan Mata Pelajaran mengikut keutamaan berasaskan 7 bidang tugas iaitu bidang tugas mengajar, bidang tugas pengurusan kurikulum dan pengajaran, bidang tugas penyeliaan / pemantauan, bidang tugas perkembangan staf, bidang tugas kewangan, bidang tugas pengurusan makmal/ bengkel/ bilik khas dan bidang tugas pentadbiran. Masalah Guru Kanan Mata Pelajaran juga dianalisis berdasarkan 3 aspek iaitu bidang tugas kurang jelas dan terperinci, pengetahuan dan kemahiran belum lengkap dalam bidang tugas serta masalah menanggung beban kerja yang berat. Seramai 70 orang Guru Kanan Mata Pelajaran menjadi responden kajian dan menggunakan 85 item soal selidik yang terdiri daripada senarai peranan dan masalah Guru Kanan Mata Pelajaran dalam 7 bidang tugas. Analisis statistik seperti frekuensi, peratusan dan min digunakan untuk menjawab objektif kajian. Dapatkan kajian menunjukkan peranan dalam 7 bidang tugas telah dan sedang dilaksanakan secara aktif oleh Guru Kanan Mata Pelajaran. Bidang tugas yang paling aktif dilaksanakan di sekolah ialah bidang tugas Mengajar, diikuti pula dengan bidang tugas penyeliaan / pemantauan pengajaran dan pembelajaran serta bidang tugas pengurusan kurikulum dan pengajaran. Dapatkan kajian mengenai masalah Guru kanan Mata Pelajaran menunjukkan memang terdapat bidang tugas yang kurang jelas dan terperinci iaitu didahului dengan bidang tugas penyeliaan / pemantauan pengajaran dan pembelajaran, diikuti dengan bidang tugas pentadbiran serta bidang tugas perkembangan staf. Bidang tugas pentadbiran dianggap paling tinggi menghadapi masalah pengetahuan dan kemahiran yang belum lengkap. Ini diikuti pula oleh bidang tugas kewangan dan Pengurusan kurikulum dan pengajaran. Manakala bidang tugas Perkembangan staf dipilih oleh Guru kanan Mata Pelajaran sebagai menyebabkan mereka menanggung beban kerja yang berat. Diikuti oleh oleh bidang tugas penyeliaan / pemantauan pengajaran dan pembelajaran dan bidang tugas pentadbiran. Kesimpulannya Guru Kanan Mata Pelajaran memang menghadapi masalah dalam melaksanakan peranan mereka terutama dalam bidang tugas pentadbiran, bidang tugas pengurusan kurikulum dan pengajaran serta bidang tugas penyeliaan / pemantauan pengajaran dan pembelajaran.

## ABSTRACT

The research aims to gauge the extent of the roles played by the GKMPs in grade A secondary schools in the district of Manjung and Perak Tengah, according to 7 domains. They include teaching, the management of curriculum and teaching, supervision/ observation, staff development, financial management, management of laboratories/workshops and administration. Problems faced by GKMPs were also analysed based on 3 aspects which include the clarity of the job description, knowledge and skill, as well as workload. About 70 GKMPs were selected as respondents. The instrument utilised a questionnaire consisted of 85 items regarding roles and problems faced by the GKMPs in the 7 domains. The statistical analysis used were frequencies, percentages and mean score. The findings illustrated that the GKMPs had and were still actively fulfilling their roles. The most actively conducted roles in schools are teaching, followed by the supervision/ teaching and learning, as well as the management of curriculum and teaching. The research also shows that problems relating to the clarity of job description do exist, especially in the supervision/ observation of teaching and learning, followed by administrative work and staff development. This is followed by the problem of financial management matters, and the management of curriculum and teaching. As for workload, staff development is proven to be the main contributer, followed by the supervision/ observation of teaching and learning and administrative work. In conclusion, GKMPs clearly face problems in fulfilling their roles especially in administrative work, the management of curriculum and teaching, as well as the supervision/ observation of teaching and learning.

## KANDUNGAN

Muka Surat

<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>ii</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SIMBOL SINGKATAN</b>	<b>xv</b>

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Kepentingan Kajian	11
1.5 Batasan Kajian	11
1.6 Definisi Operasional	12

**Muka Surat****BAB II TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Peranan Guru Kanan Mata Pelajaran	13
2.3	Masalah Yang Dihadapi Guru Kanan Mata Pelajaran	19
2.4	Kesimpulan	25

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.3	Sampel Kajian	28
3.4	Instrumen Kajian	29
3.5	Kajian Rintis	30
3.6	Langkah-Langkah Pengumpulan Data	31
3.7	Prosedur Analisis Data	31

**BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	33
4.2	Analisis Secara Deskriptif Berhubung Dengan Latar Belakang Pentadbir dan Latar Belakang Sekolah	33

<b>4.3 Peranan Guru Kanan Mata Pelajaran Di Sekolah</b>	<b>40</b>
<b>4.4 Masalah Guru Kanan Mata Pelajaran Di Sekolah</b>	<b>56</b>

## **BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>68</b>
<b>5.2 Perbincangan</b>	<b>69</b>
<b>5.3 Kesimpulan Dapatan Kajian ( Peranan GKMP)</b>	<b>72</b>
<b>5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian ( Masalah GKMP )</b>	<b>77</b>
<b>5.5 Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya</b>	<b>80</b>

<b>5.6 Penutup</b>	<b>85</b>
--------------------	-----------

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>87</b>
--------------------	-----------

## **LAMPIRAN**

<b>Lampiran A</b>	Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan Daripada BPPP, Kementerian Pelajaran Malaysia.
<b>Lampiran B</b>	Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan Daripada Jabatan Pelajaran Negeri Perak.
<b>Lampiran C</b>	Instrumen Kajian

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
4.2.1	Taburan Guru Kanan Mata Pelajaran Mengikut Jantina	34
4.2.2	Taburan Guru Kanan Mata Pelajaran Mengikut Umur	35
4.2.3	Taburan Guru Kanan Mata Pelajaran Mengikut Bangsa	35
4.2.4	Taburan Guru Kanan Mata Pelajaran Mengikut Taraf Perkahwinan	36
4.2.5	Pengalaman Sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran	36
4.2.6	Taburan Guru Mengikut Pengalaman Berkhidmat Sebagai Guru Biasa	37
4.2.7	Taburan Pengalaman Berkhidmat Di Bawah Pengetua Sekarang	38
4.2.8	Taburan Guru Mengikut Tingkatan Diajar	38
4.2.9	Taburan Guru Mengikut Kelulusan Akademik	39
4.2.10	Taburan Guru Mengikut Jawatan Sebelum Menjadi Guru Kanan.	40
4.2.11	Taburan Guru Mengikut Lokasi Sekolah	40
4.3.1	Peranan Bidang Tugas Mengajar	42
4.3.2	Peranan Bidang Tugas Pengurusan Kurikulum dan Pengajaran	44
4.3.3	Peranan Bidang Tugas Penyeliaan/Pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran	46
4.3.4	Peranan Bidang Tugas Perkembangan Staf	48
4.3.5	Peranan Bidang Tugas Kewangan	50
4.3.6	Peranan Bidang Tugas Pengurusan Makmal/Bengkel/Bilik Khas	52

**Jadual****Muka Surat**

4.3.7	Peranan Bidang Tugas Pentadbiran	54
4.3.8	Peranan Guru Kanan Mata Pelajaran	56
4.4.1	Bidang Tugas Kurang Jelas dan Terperinci	58
4.4.2	Pengetahuan dan Kemahiran Belum Lengkap	61
4.4.3	Menanggung Beban Kerja Yang Berat	64
4.4.4	ANOVA Menanggung Beban Kerja Yang Berat Kaitannya Dengan Pengalaman Menjadi Guru Kanan Mata Pelajaran.	65
4.4.5	ANOVA Menanggung Beban Tugas Yang Berat Kaitan Dengan Tingkatan Diajar	65
4.4.6	Ujian-T Perbezaan Lokasi Sekolah Dengan Menanggung Beban Kerja Yang Berat	66
4.4.7	Ujian-T Perbezaan Lokasi Sekolah Dengan Pengetahuan dan Kemahiran Yang Belum Lengkap	67

## SENARAI RAJAH

**Rajah**

**Muka surat**

- |   |   |    |
|---|---|----|
| 1 | Pembolehubah Dalam Kajian Ini (Peranan dan Masalah Guru Kanan Mata Pelajaran Di Sekolah). | 28 |
|---|---|----|

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

##### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan telah mengalami banyak perubahan dan perkembangan sejak akhir-akhir ini, terutamanya dari segi sistem pendidikan, bilangan sekolah, pelajar dan guru serta peningkatan kesedaran ibubapa terhadap pelajaran. Hasil dari perkembangan tersebut, pengurusan dan pentadbiran sekolah kini semakin kompleks dan rumit. Kini tugas pengurus sekolah telah menjadi semakin kompleks dan mempunyai skop bidang tugas yang amat luas (Abdullah, 2003).

Selepas tahun 1991, banyak perubahan positif yang berlaku dalam sistem pendidikan selaras dengan cita-cita negara untuk melahirkan rakyat yang berteknologi maklumat dan berwawasan. Antara perubahan-perubahan yang berlaku dalam institusi pendidikan hari ini ialah seperti meluaskan opsyen sains dan matematik, budaya komputer dalam sistem pendidikan, Sekolah Bestari, pengkorporatan universiti, dan pensijilan terbuka Sijil Pelajaran Malaysia.



Akibat daripada perubahan-perubahan itu juga beban tugas dan tanggungjawab pentadbiran sekolah telah bertambah banyak dan berat. Pengetua tidak mungkin mampu membuat semua tugas, mereka perlu ada pembantu. Di sekolah, Pengetua mempunyai 4 pembantu iaitu Penolong Kanan (Pentadbiran), Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Ko Kurikulum dan Penyelia Petang yang membantu Pengetua. Dalam pada itu, bagi menangani masalah pengurusan kurikulum yang rumit dan semakin kompleks, satu lagi jawatan diwujudkan dalam struktur organisasi sekolah iaitu Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) seramai 4 orang melibatkan 4 bidang khusus di sekolah menengah gred A. Dengan wujud jawatan itu, pengagihan tugas dapat diagihkan sama rata. Di samping itu, pentadbiran sekolah diharapkan akan lebih mantap terutama dari segi kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan. Ini dijangka dapat meringankan beban tugas Pengetua supaya Pengetua dapat memberi tumpuan kepada pengurusan dan pentadbiran sekolah sebagai satu keseluruhan.



Pewujudan jawatan Guru Kanan Mata Pelajaran diumumkan oleh Menteri Pendidikan pada September, 1989 berikut dengan kajian semula struktur perjawatan sekolah yang dibuat selepas perlaksanaan gaji 2 skim. Jawatan ini diwujudkan berdasarkan keperluan pengurusan yang lebih cekap dalam menangani reformasi pendidikan. Dengan itu pada 1991, Guru Kanan Mata Pelajaran mula ditempatkan di sekolah-sekolah Gred A, di mana 4 orang Guru Kanan Mata Pelajaran diperuntukkan di setiap buah sekolah. Di Malaysia terdapat 2 kategori sekolah iaitu sekolah Gred A dan sekolah gred B. Di sekolah gred A, empat orang guru kanan tersebut ialah Guru Kanan Mata Pelajaran Bahasa, Guru Kanan Mata Pelajaran Kemanusiaan, Guru



## Kanan Mata Pelajaran Sains dan Guru Kanan Mata Pelajaran Vokasional dan Teknik.

Lantikan Guru Kanan Mata Pelajaran ini dipilih daripada guru yang telah lama berkhidmat (*senior*) di sekolah iaitu sekurang-kurangnya 10 tahun. Mereka juga telah berkhidmat sebagai PPPS DG 3 (sehingga 2003) atau DG 41 selepas 2004 hingga kini. Guru Kanan Mata Pelajaran atau di Perak jawatan ini dipanggil ‘Ketua Bidang’ adalah jawatan yang diwujudkan di sekolah menengah gred A dan tidak diwujudkan di sekolah gred B.

Selepas pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) terdapat sedikit perubahan iaitu jawatan Guru Kanan Mata Pelajaran tidak dikira sebagai kenaikan pangkat tetapi masih di dalam kategori DG 41. Namun begitu 4 orang Guru Kanan Mata Pelajaran diberi elauan tanggungjawab sebanyak RM 120.00 sebulan.

Kini perlantikan Guru Kanan Mata Pelajaran tidak lagi dibuat oleh Kementerian Pelajaran tetapi oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Keempat-empat Guru Kanan Mata Pelajaran ini mengelolakan bidang-bidang yang berlainan. Tiap-tiap bidang merangkumi mata pelajaran tertentu seperti:

### a) Guru Kanan Bahasa

Mata pelajaran di bawah kelolaan: Bahasa Melayu, B.Inggeris, B.Cina, B.Tamil, B. Arab, Pengajian Am dan Kesusastraan Melayu.

### b) Guru Kanan Kemanusiaan

Mata pelajaran di bawah kelolaan: Sejarah, Geografi, Pendidikan Seni, Pendidikan

Moral, Pendidikan Islam, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

### c) Guru Kanan Sains

Mata pelajaran di bawah kelolaan: Sains Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan Matematik Tambahan.

### d) Guru Kanan Vokasional & Teknik

Mata pelajaran di bawah kelolaan: Kemahiran Hidup, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Perdagangan Ekonomi Sains Rumahtangga, Sains Pertanian, Lukisan Kejuruteraan dan Sains Sukan.

Merujuk kepada beban tugas Guru Kanan Mata Pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan didapati ada 33 tugas yang perlu dilaksanakan oleh mereka. Hampir sebahagian daripada senarai tugas itu merujuk peranan Guru Kanan Mata Pelajaran dalam bidang kurikulum, sebagai tugas utama. Tugas-tugas lain seperti kokurikulum, pengurusan dan tugas-tugas lain termasuk pengajaran, pembelajaran, program sekolah dan pentadbiran.

Guru Kanan Mata Pelajaran juga perlu memainkan peranan seperti guru biasa lain, iaitu mengajar; kerana mengajar merupakan tugas profesional yang berkaitan langsung dengan pengajaran di sekolah. Sebagai seorang guru, mereka dikehendaki mengajar sekurang-kurangnya 18 waktu seminggu berbanding dengan guru biasa yang mengajar 24 hingga 26 waktu seminggu. Ini bermakna Guru Kanan Mata Pelajaran

perlu membuat perancangan dan persediaan mengajar, memeriksa kerja murid setiap hari, menyediakan soalan ujian atau peperiksaan serta menjalankan kelas tambahan. Guru Kanan Mata Pelajaran perlu melaksanakan tugas dengan penuh komitmen dan dedikasi kerana guru merupakan faktor unggul dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran dan mesti mencipta, mengekal dan meningkatkan keadaan yang dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan. (Blandford, 1999).

Guru Kanan Mata Pelajaran juga merupakan guru yang berpengalaman serta bertugas lama sebagai guru (Denys John, 1980). Juteru Guru Kanan Mata Pelajaran adalah sebagai hadiah atau sumbangan kuasa atau status kepada guru yang berkelayakan dan guru yang paling senior di sekolah (Maryland, 1987). Guru Kanan Mata Pelajaran dipandang atau dianggap oleh Jabatan Pelajaran Negeri atau Pengetua sebagai barisan pemimpin. Namun oleh kerana mereka mendapat beban tugas guru biasa, masih ramai lagi guru yang menganggap Guru Kanan Mata Pelajaran sebagai seorang guru biasa yang diberi ganjaran kenaikan pangkat kerana mereka lah yang paling senior menceburi profesion pendidikan. Ramai guru beranggapan bahawa Guru Kanan Mata Pelajaran sebagai bukan pemimpin di sekolah, tetapi sebagai hanya ketua kurikulum. Oleh itu guru-guru kurang memberi kerjasama kepada Guru Kanan Mata Pelajaran . Ini bercanggah dengan apa yang disebut oleh Omardin Ashaari (1996 : 105) menjelaskan bahawa sebagai seorang Guru Kanan Mata Pelajaran adalah diharapkan dapat memberi kepimpinan berkesan kerana mereka terlibat sebagai pengurus panitia mata pelajaran yang dianggotai oleh semua guru mata pelajaran.

Bagi melaksanakan tugas pengajaran, Guru Kanan Mata Pelajaran juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu sebagaimana yang dinyatakan oleh Atan Long (1979: 5-7). Beliau menyarankan agar guru mestilah mempunyai dan menguasai ilmu dengan baik, sanggup menambah ilmu pengetahuan, mengikut kemahiran ikhtisas untuk mengajar dan mendidik, mempunyai kebolehan merancang, mengelola dan mengawas. Menurut Abdullah (1999), pengurus yang berkesan memiliki ciri-ciri tertentu termasuk mempunyai kemahiran dalam bidang tugasnya.

Oleh itu untuk memberi kualiti kepimpinan dan pengurusan yang berkesan kepada guru-guru terutama di bidang kurikulum, seseorang Guru Kanan Mata Pelajaran perlu mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran tertentu berkaitan dengan pengurusan kurikulum, penyeliaan pengajaran dan pembelajaran, kerana menurut Thomson (1986), pengalaman mengajar sahaja tidak mencukupi untuk menjadi seseorang itu pemimpin atau Pengetua (Hussein Mahmood, 1992), Fletcher dan Payne (1984: m.s 16-18) pula menegaskan bahawa kemahiran adalah penting bagi seseorang penyelia agar dapat melakukan penyeliaan yang berkesan.

Guru Kanan Mata Pelajaran yang baru dilantik diharapkan membuat semua tugas yang disenaraikan dalam senarai tugas tetapi tidak ada latihan formal pengurusan dan pentadbiran diberikan. Berdasarkan maklumat dari Jabatan Pelajaran Negeri Perak, tiada sebarang kursus pengurusan dianjurkan oleh pihak jabatan kepada Guru Kanan Mata Pelajaran sepanjang tahun 2004 dan 2005. Guru Kanan yang



dipanggil berkursus hanya yang melibatkan kurikulum atau perubahan sukatan pelajaran. Pejabat Pendidikan Daerah Manjung pula buat pertama kalinya menganjurkan Kursus Peningkatan Ketua Bidang untuk Guru Kanan Mata Pelajaran di Hotel Stanford, Kuala Lumpur selama tiga hari dua malam pada Ogos 2005 Berdasarkan kenyataan tersebut, jelas bahawa untuk menjadi seorang Guru Kanan Mata Pelajaran yang efektif, peranan sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran bukan satu tugas yang mudah, banyak masa yang diperuntukkan dan banyak pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai bagi menjamin kelincinan dan keberkesanan pentadbiran kurikulum di bilik darjah mahupun pengurusan sekolah.

Selain daripada berperanan sebagai guru yang mengajar di bilik darjah, Guru Kanan Mata Pelajaran juga mempunyai peranan dalam bidang pengurusan. Berdasarkan struktur organisasi sekolah, mereka adalah salah seorang daripada pentadbir sekolah. Walau bagaimanapun tugas Guru Kanan Mata Pelajaran tertumpu kepada pentadbiran dan pengurusan yang berkait dengan kurikulum.

Harapan, jangkaan terhadap peranan dan kepimpinan Guru Kanan Mata Pelajaran dalam bidang kurikulum seperti pengurusan pengajaran dan pembelajaran, penyeliaan pengajaran dan perancangan kurikulum adalah terlalu tinggi. Sedangkan Guru Kanan Mata Pelajaran masih kabur dengan tugas mereka kerana bimbingan bagaimana melaksanakan kerja dengan cekap dan bagaimana menyesuaikan diri sebagai pemimpin tidak dedahkan kepada mereka. Terutama tatacara penampilan dan kelakuan apabila berhadapan dengan karenah staf yang



 05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun  
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi  
 bermasalah. Ini kerana sebahagian besar daripada tugas Pengetua di bidang ini telah diagihkan kepada Guru Kanan Mata Pelajaran. Ini terbukti dari kajian yang dilakukan oleh Mohamad Tajuddin (1997) yang mendapati tugas kepimpinan yang diserahkan oleh Pengetua kepada Guru Kanan Mata Pelajaran tiada garis panduan yang jelas menyebabkan kepimpinan pengajaran di sekolah tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya kerana beban tugas lain yang berat.

Guru Kanan Mata Pelajaran tanpa berbekalkan panduan yang jelas, terpaksa mencari penyelesaian dengan teragak-agak dan belajar dari kesilapan. Kadang-kadang kesilapan dilakukan dengan agak serius, ini menurunkan keyakinan diri Guru Kanan Mata Pelajaran dan seterusnya merendahkan martabatnya daripada kacamata guru-guru lain. Kecekapan Guru Kanan Mata Pelajaran melaksanakan tugas-tugas mereka di sekolah banyak dipengaruhi oleh kecekapan kepimpinan Pengetua dan Penolong Kanan Pentadbiran. Jika kedua-dua pihak ini masih baru di sekolah, kesannya kita lihat akan turut mempengaruhi kecekapan perjalanan tugas Guru Kanan Mata Pelajaran di sekolah tersebut.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Setelah meneliti peranan yang perlu dilaksanakan oleh Guru Kanan Mata Pelajaran iaitu guru dan pentadbir, di sini timbul persoalan mampukah mereka melaksanakan sepenuhnya kedua-dua bidang tugas sebagaimana yang dijangkakan. Andainya Guru Kanan Mata Pelajaran dibebani dengan waktu mengajar yang banyak di samping tugas mengendalikan tugas kokurikulum sekolah, sudah pasti mereka tidak mempunyai masa yang cukup dan tidak dapat memberi tumpuan yang serius dan teliti

terhadap tugas yang berkaitan dengan pentadbiran kurikulum terutamanya. Begitu juga andai bidang tugas itu sendiri tidak jelas kepada Guru Kanan Mata Pelajaran dan pada masa yang sama mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup di bidang pentadbiran kurikulum, maka masalah akan timbul menyebabkan pentadbiran tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Apabila disiasat, Pengetua menyalahkan Penolong Kanan dan Guru Kanan Mata Pelajaran tidak cekap. Ini terbukti kenyataan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1992: ms. 142), yang menyatakan di dapati pengurusan dan pentadbiran di sesetengah sekolah kurang memuaskan kerana guru besar berkenaan kurang mempunyai latihan dalam pentadbiran. Realiti di sekolah ramai Guru Kanan Mata Pelajaran menjalankan tugas pentadbiran mengikut budi bicara dan daya intuitif sendiri.

Daripada senarai tugas Guru Kanan Mata Pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran didapati peranan Guru Kanan Mata Pelajaran masih belum jelas di dalam pentadbiran sekolah. Sebahagaian besar dari senarai tugas itu menekankan perkataan “membantu” Pengetua-Pengetua dalam kebanyakan tugas. Tambahan pula ada pertindihan antara peranan Penolong Kanan Pentadbiran dengan Guru Kanan Mata Pelajaran terutama dalam bidang kurikulum. Persoalannya sekerap mana tugas dan peranan itu perlu dilaksanakan pada tahap perancangan atau perlaksanaan atau keseluruhan tugas dan peranan itu perlu dilakukan bagi membantu Pengetua. Oleh itu satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji peranan dan masalah yang dihadapi oleh Guru Kanan Mata Pelajaran ini sebagai pengurus pengantara. Ini sangat penting memandangkan berlaku masalah pertindihan tugas dan peranan

sehingga Guru Kanan Mata Pelajaran kabur dengan tugas sebenar mereka di sekolah.

Oleh itu kajian ini yang membincangkan tentang peranan Guru Kanan Mata Pelajaran sebagai Pengurus pengantara di sekolah adalah sangat sesuai kerana untuk menjalankan peranan sebagai pentadbir disekolah mereka sebenarnya menjadi pengurus pengantara di antara 5 orang pentadbir di atas mereka dengan guru-guru. Pastinya dalam melaksanakan peranan ini Guru Kanan Mata Pelajaran akan menghadapi pelbagai masalah.

Masalah kekaburan bidang tugas ini bukanlah masalah yang baru bagi pentadbir sekolah kerana kajian lalu telah membuktikan, contoh kajian tempatan oleh Sharma (1978) bertajuk "*Nature and scope of duties of senior assistants in secondary schools.*" Dapatan kajian ini menunjukkan antara masalah yang dihadapi oleh Penolong Kanan apabila mereka dilantik menjawat jawatan ini ialah masalah kekaburan bidang tugas.

### **1.3 Objektif kajian**

Penyelidikan ini akan menghasilkan beberapa objektif kajian, iaitu:

- 1.Untuk mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh Guru Kanan Mata Pelajaran sebagai pengurus pengantara mengikut bidang tugas mereka di sekolah.
- 2.Untuk menganalisis masalah yang dihadapi oleh Guru Kanan Mata Pelajaran
- 3.Mengkaji perbezaan masalah yang dihadapi mengikut lokasi, tempoh pengalaman menjadi Guru Kanan Mata Pelajaran dan tingkatan yang diajar.



## 1.4 Kepentingan Kajian

Bahagian ini membincangkan tentang kepentingan yang akan diperolehi dari kajian ini. Dapatan kajian dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri atau Pejabat Pelajaran Daerah merangka program atau kursus-kursus yang sesuai diberikan kepada Guru Kanan Mata Pelajaran yang menjadi pengurus pengantara bagi pentadbir sekolah dengan guru-guru. Di samping itu kajian ini juga penting kepada pembangunan sumber manusia dalam organisasi pendidikan, khususnya di sekolah. Dapatan kajian boleh membantu para penyelidik bidang pendidikan dalam usaha untuk memantapkan lagi tugas-tugas Guru Kanan Mata Pelajaran khususnya dan pengurusan pentadbiran di sekolah amnya demi menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia.

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini untuk mengenalpasti sejauhmana peranan dalam bidang tugas Guru Kanan Mata Pelajaran telah dan sedang dilaksanakan oleh Guru Kanan Mata Pelajaran di sekolah. Untuk melihat peranan ini pengkaji mengehadkan sampel kajian terhadap populasi Guru Kanan Mata Pelajaran sekolah sahaja. Dapatan yang dihasilkan oleh pengkaji hanya melibatkan Guru Kanan Mata Pelajaran sekolah di Daerah Manjung dan Perak Tengah sahaja dan tidak mengambarkan keseluruhan Guru Kanan Mata Pelajaran di sekolah menengah daerah-daerah lain. Oleh itu dapatan yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan kepada semua warga pendidik di Malaysia.

Masalah-masalah yang diutarakan juga hanya mungkin relevan untuk daerah yang dikaji dan hanya sesuai pada masa itu sahaja. Data-data yang diperolehi



 05-4506832  
  pustaka.upsi.edu.my  
  Perpustakaan Tuanku Bainun  
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  
  PustakaTBainun  
  ptbupsi  
 adalah bergantung kepada kefahaman dan keikhlasan responden semasa menjawab item-item yang terkandung dalam soal selidik. yang diberi.

## 1.6 Definisi Operasional

### *Peranan*

Peranan ialah perlakuan atau tindakan yang ditunjukkan berlandaskan kepada jawatan, pangkat atau kedudukan yang dipegang oleh seseorang yang memainkan peranan tersebut. Dalam konteks kajian peranan ini adalah untuk aspek kurikulum, kokurikulum, pengurusan dan tugas lain yang berkaitan.

### *Pengurus Pengantara*

Pengurus pengantara merujuk kepada seseorang yang berperanan mengurus orang lain di sekolah seperti guru-guru di bawah bidangnya dan pada masa yang sama ia juga diurus oleh pengurus lain seperti Pengetua. Pengurus pengantara bertindak melaksanakan sesuatu tugas, melalui orang lain. Dalam konteks kajian ini, pengurus pengantara yang dimaksudkan ialah Guru Kanan Mata Pelajaran kerana ia menjadi pengurus kepada Panitia-panitia mata pelajaran di bawah bidangnya dan sekaligus ia pula diurus oleh Penolong Kanan Pentadbiran atau Pengetua.

### *Pemimpin*

Pemimpin ialah orang yang mengetuai dan mengendalikan sesuatu badan, pergerakan, pertubuhan atau institusi seperti sekolah. Dalam konteks kajian ini pemimpin di sekolah ialah Pengetua dan barisan Penolong-penolong Kanan serta Guru Kanan Mata Pelajaran bagi sekolah menengah gred A.